



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2015

G A R I S P A N D U A N
P E N A P I S A N B A H A N
P E N E R B I T A N B E R U N S U R
I S L A M

جامعة إسلامية ماليزية
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2015

G A R I S P A N D U A N
P E N A P I S A N B A H A N
P E N E R B I T A N B E R U N S U R
I S L A M

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَابَطَانِ الْسَّمَوَاتِ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

— |

| —

— |

| —



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2015

G A R I S P A N D U A N
P E N A P I S A N B A H A N
P E N E R B I T A N B E R U N S U R
I S L A M

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَاْهِلْ بَرْ عَوَانِ اِسْلَامِ مَالِيْزِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Ketiga 2015
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015

Hak Cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62519 Putrajaya, Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARISAN PANDUAN PENAPISAN BAHAN PENERBITAN BERUNSUR ISLAM

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan :

FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.
Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C,
Pekeling Business Center, Jalan Pahang Barat,
53300 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN	1
TUJUAN	2
TAKRIF	3
Perkara-Perkara Yang Dilarang Dalam Penerbitan Bahan Penerbitan Berunsur Islam	3
Mengandungi Perkara-Perkara Yang Menyentuh Kesucian Islam	3
Mempropaganda Akidah, Hukum Dan Ajaran Yang Bercanggah Dengan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah	4
Mempersenda Dan Mempersoal Kewibawaan Sumber-Sumber Hukum Islam Yang Utama Iaitu Al-Quran, Sunnah, Ijma' Dan Qiyas	5
Bercanggah Dengan Pegangan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah	6
Bertentangan Dengan Fatwa Atau Pendapat Jumhur Ulama'	7
Mengandungi Unsur-Unsur Isra'iliyyat, Khurafat Dan Kebudayaan Karut	8
Menimbulkan Keraguan Dan Kegelisahan Awam	9

Mengandungi Penulisan Atau Menggunakan Mana-Mana Bahagian Daripada Ayat al-Quran Dengan Tulisan Selain Daripada Huruf Arab Atau Bukan Sistem Tulisan Al-Quran	10
Menyalahi Fakta Sejarah	10
Mengilustrasikan Para Nabi , Sahabat Yang Empat, Malaikat Serta Memperwatakan Gambar-Gambar Tersebut.	10
PENUTUP	12

KATA ALU-ALUAN

**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

السلام عليكم ورحمة الله

Alhamdulillah, dengan rasa penuh kesyukuran dan segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berjaya menerbitkan Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan, penerbitan, percetakan dan pengedaran bahan penerbitan berunsur Islam di negara ini.

Memandangkan bahan penerbitan adalah media utama dalam penyebaran maklumat dan ilmu berkaitan Islam, diharapkan garis panduan ini dapat dijadikan satu asas rujukan dan panduan supaya maklumat dan ilmu yang ingin disampaikan tidak menyimpang daripada ajaran Islam dan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini, dan mengharapkan kerjasama semua pihak dapat mematuhi bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara.

Sekian, terima kasih.



TAN SRI DATO' HJ OTHMAN BIN MUSTAPHA

**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

TUJUAN

Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam ini disediakan sebagai rujukan asas dalam menentukan kesesuaian isi kandungan sesebuah bahan penerbitan supaya tidak menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Selain daripada itu, garis panduan ini menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan, penerbitan, percetakan dan pengedaran bahan penerbitan yang berunsur Islam di negara ini.

TAKRIF “PENERBITAN”

2. Menurut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987) ‘penerbitan’ ditakrifkan sebagai:

- (i) Dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala;
- (ii) Semua bahan bertulis atau bercetak dan sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan-bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;
- (iii) Apa-apa jua yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara yang boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea; dan
- (iv) Rakaman suara, iaitu apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrusmental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.

PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DALAM PENERBITAN BERUNSUR ISLAM

3. Perkara yang dilarang dalam penerbitan berunsur Islam adalah seperti berikut :

(a) Mengandungi Perkara-Perkara yang Menyentuh Kesucian Islam

Maksud menyentuh kesucian Islam ialah mengandungi sesuatu perkara yang boleh menyebabkan tercemarnya kesucian dan keagungan agama Islam.

Contohnya:

- (i) Sekiranya sesebuah bahan penerbitan secara terang mendakwa bahawa al-Quran adalah palsu dan bukan wahyu daripada Allah SWT maka bahan tersebut dianggap telah menyentuh kesucian Islam.
 - (ii) Sekiranya bahan penerbitan mengandungi hadis-hadis palsu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW atau penulisan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk atau cara yang boleh mencemarkan kesucian ayat tersebut, maka ia dianggap telah menyentuh kesucian agama Islam.
- (b) **Mempropaganda Akidah, Hukum dan Ajaran yang Bercanggah dengan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Propaganda bermaksud suatu penerangan, ideologi atau pendapat yang diheboh untuk mempengaruhi orang ramai. Ia juga ditakrifkan dengan maksud dakyah.

Yang dimaksudkan dengan **akidah** ialah kepercayaan dan keyakinan yang berteraskan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Contohnya:

- (i) Sekiranya sesebuah bahan penerbitan menyiarkan bahawa Imam Mahdi adalah Syeikh Muhammad As-Suhaimi, maka dakwaan

tersebut adalah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Hukum bermaksud hukum-hukum yang ditentukan oleh sumber-sumber hukum Islam iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qiyas yang dipegang oleh Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Contohnya:

- (i) Sesuatu bahan penerbitan adalah dianggap bercanggah dengan hukum Islam mengikut Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah sekiranya ia menyatakan bahawa riba diharuskan oleh Islam.

Ajaran bermaksud sesuatu teori mazhab, pendapat atau pegangan yang berlandaskan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Contohnya:

- (ii) Sesuatu penerbitan dianggap bercanggah dengan ajaran Islam mengikut Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah sekiranya ia menyatakan bahawa agama Islam hanya mewajibkan sembahyang tiga waktu sehari semalam.
- (c) **Mempersenda dan Mempersoal Kewibawaan Sumber-Sumber Hukum Islam yang Utama iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas**

Yang dimaksudkan dengan **mempersenda** ialah mempermain, memperolok atau mengejek kewibawaan yakni keunggulan dan kesahihan sumber-sumber tersebut.

Contohnya:

- (i) Sekiranya sesebuah bahan penerbitan menyatakan bahawa Sunnah bukan sumber hukum dalam Islam dan ia bertentangan dengan al-Quran, maka ia dianggap telah mempersenda kewibawaan Sunnah sebagai sumber hukum yang utama dalam Islam.
- (d) **Bercanggah dengan Pegangan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Contohnya:

- (i) Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah berpegang bahawa Sunnah merupakan sumber perundangan Islam yang wajib diimani oleh setiap umat Islam. Sebarang bentuk dakwaan yang menafikan kedudukannya dan menuduh bahawa al-Hadis adalah rekaan para ulama' dan amalan syaitan adalah bercanggah dengan pegangan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah.
- (ii) Sekiranya sesebuah bahan penerbitan itu menyatakan bahawa Nikah Mut'ah diharuskan dalam Islam, maka kenyataan tersebut bercanggah dengan pegangan Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah.

(e) **Bertentangan dengan Fatwa atau Pendapat Jumhur Ulama'**

Fatwa bermaksud fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa fatwa negeri atau Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Contohnya:

- (i) Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah bersetuju bahawa ajaran Qadiani terkeluar daripada Islam, sebarang bentuk penerbitan yang secara jelas menyokong ajaran tersebut adalah bertentangan dengan keputusan fatwa tersebut.

Pendapat Jumhur Ulama' pula bermaksud pendapat dan pegangan yang disepakati oleh majoriti para ulama' dari Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Contohnya:

- (i) Jumhur Ulama' telah sepakat mengatakan bahawa aurat wanita ialah seluruh anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Sebarang kenyataan yang menafikan pendapat tersebut adalah bertentangan dengan ketetapan Jumhur Ulama'

(f) **Mengandungi Unsur-Unsur Isra'iliyyat, Khurafat dan Kebudayaan Karut**

Isra'iliyyat bermaksud cerita-cerita palsu yang masuk ke dalam tafsir dan hadis yang bersumber daripada Yahudi dan Nasrani.

Contohnya:

- (i) Gambaran syurga yang dinyatakan oleh Muqatil bin Sulaiman al-Kharsani, iaitu setiap orang di dalam syurga akan mendapat sebuah gunung, pada setiap gunung terdapat 70 rumah. Setiap rumah diperbuat daripada mutiara panjangnya di langit adalah satu farsakh dan lebarnya juga satu farsakh. Cerita seumpama ini mengandungi unsur-unsur isra'iliyyat kerana syurga merupakan perkara ghaib yang tidak dapat digambarkan.

Khurafat bermaksud segala bentuk penceritaan sama ada hasil rekaan atau khayalan berupa ajaran-ajaran, amalan pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Sementara **kebudayaan karut** ditakrifkan sebagai keseluruhan tatacara hidup serta hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan dan kerohanian dalam sesuatu masyarakat, tamadun dan peradaban yang direka bercanggah dengan ajaran Islam.

Contohnya:

- (i) Kepercayaan kepada sesuatu benda yang didakwa mempunyai keramat seperti kubur, pokok dan batu.
- (ii) Mengamalkan adat-adat yang berunsur khurafat seperti adat mandi Safar, memuja semangat dan sebagainya.

(g) Menimbulkan Keraguan dan Kegelisahan Awam

Maksud **keraguan dan kegelisahan awam** ialah perkara-perkara yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai dan berlawanan dengan mana-mana undang-undang.

Contohnya:

- (i) Sebarang bahan penerbitan yang cuba menyebarkan kenyataan berunsur fitnah dan penghinaan terhadap para mufti dan ulama' dengan tujuan mempersenda dan menjatuhkan maruah mereka dianggap telah menimbulkan keraguan dan kegelisahan masyarakat awam.
- (ii) Sekiranya bahan penerbitan itu mempertikaikan kesahihan Sunnah sebagai sumber hukum, ia dianggap telah menimbulkan keraguan dan kegelisahan awam.

-
- (h) **Mengandungi Penulisan atau Menggunakan Mana-Mana Bahagian daripada Ayat al-Quran dengan Tulisan Selain daripada Huruf Arab atau Bukan Sistem Tulisan al-Quran**

Tulisan ayat-ayat al-Quran selain daripada Bahasa Arab bermaksud tulisan bahasa-bahasa lain seperti tulisan rumi, latin dan sebagainya tanpa menyertakan teks asal ayat-ayat tersebut.

Contohnya:

- (i) Menulis ayat al-Quran dalam tulisan rumi seperti “Wal ‘Asr Innal Insana lafi Khusr.....” - (surah al-Asr)
- (i) **Menyalahi Fakta Sejarah**

Fakta Sejarah bermaksud fakta sejarah Islam dan umatnya sama ada mengenai sejarah pembawa risalah, sejarah kenabian Nabi Muhammad SAW dan lain-lain yang telah disepakati oleh ahli sejarah Islam.

Contohnya:

- (i) Menurut sejarah Islam, Nabi Muhammad SAW wafat di Madinah. Sebarang kenyataan yang menyatakan sebaliknya adalah menyalahi fakta sejarah.
- (j) **Mengilustrasi Para Nabi, Sahabat Yang Empat, Malaikat serta Memperwatakkkan Gambar-Gambar Tersebut**

Maksud **ilustrasi** ialah gambar (lukisan dan sebagainya) untuk menerangkan atau menghiasi sebuah buku, majalah dan lain-lain.

Memperwatakan bermaksud membentuk dan menggambarkan sifat seseorang yang zahir dan batin serta merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah laku, jiwa dan pemikirannya.

Contohnya:

- (i) Bahan penerbitan yang mengilustrasikan gambar para malaikat dengan wajah seorang lelaki yang bersayap.

Sebarang pertanyaan dan maklumbalas berkenaan garis panduan ini boleh diajukan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 9, Blok D7, Kompleks D
62519 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
No. Telefon : +60 3-8886 4000
No. Faksimili : +60 3-88892039

Unit Kajian Media
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



**GUIDELINES
DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA
VOLUME 3 2015**

**G U I D E L I N E
F O R C E N S O R I N G
I S L A M I C
E L E M E N T S
O F B R O A D C A S T
M A T E R I A L**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

— |

| —

— |

| —



**GUIDELINES
DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA
VOLUME 3 2015**

**G U I D E L I N E
F O R C E N S O R I N G
I S L A M I C
E L E M E N T S
O F B R O A D C A S T
M A T E R I A L**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Third printing 2015

© 2015 Department of Islamic Development Malaysia

All Rights Reserved. May not be reproduced any part of the article, illustrations and content of this book in any form and by any means, either electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without prior written permission from the Director General, Department of Islamic Development Malaysia , Federal Government Administrative Centre, 62519 Putrajaya. Negotiations are subject to the calculation of royalty or honorarium.

National Library

Data Cataloging-in-Publication

GUIDELINE FOR CENSORING ISLAMIC ELEMENTS OF BROADCAST MATERIAL

Concept, Design and Print:

FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.
Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C,
Pekeliling Business Center, Jalan Pahang Barat,
53300 Kuala Lumpur

CONTENTS

FOREWORD	1
PURPOSE	2
DEFINITION	3
Prohibited Elements In Islamic Publications	3
Containing Elements Which Tarnish The Purity Of Islam	3
Propagandizing Aqidah, Rulings, Or Teachings Which Contradict The Mazhab Of Ahli Sunnah wal-Jamaah	4
Ridiculing Or Questioning The Authority Of The Primary Sources Of Islamic Law Which Are The Quran, Sunnah, Ijma' And Qias	5
Contradicting The Mazhab Of Ahli Sunnah wal-Jamaah	5
Contradicting The Fatwa Or The Opinion Of Jumhurul Ulama'	6
Containing Elements Of Isra'iliiyat, Superstitions And False Traditions	7
Causing Public Suspicion And Anxiety	8
Containing Quranic Verses Or Any Part Of It Written In Other Than Arabic Letters Or Other Than Quranic Style Of Writing	9

Contradicting Historical Facts	9
Illustrating Prophets, The Four Companions, Angels, As Well As Characterizing These Pictures	10
CLOSING	11

FOREWORD

السلام عليكم ورحمة الله

Alhamdulillah, all praise be to Allah SWT for His blessings have made it possible for Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) to come up with a guideline entitled Guidelines On Censoring Islamic Publications that will serve as a guide and reference for everyone involved in writing, publishing, printing, and distribution of Islamic publications in the country.

In view of the fact that publication is an important medium to disseminate knowledge and information about Islam, it is hoped that the guideline can become a guidance and reference so that any information or knowledge about Islam does not contradict the teachings of Islam and the principles of Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Finally, I would like to extend my gratitude to each and everyone involved in the publication of the guideline and I sincerely hope that everyone will abide by the guideline in order to ensure the sanctity of Islam is preserved.

Wassalam.



TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

Director General

Department Of Islamic Development Malaysia

PURPOSE

Guideline On Censoring Islamic Publications has been prepared as a reference in order to evaluate the content of a publication so that it does not deviate from the true teaching of Islam. It will also serve as a guide for writer, publisher, printer, and distributor of Islamic publications.

DEFINITION ‘PUBLICATION’

2. According to Printing Presses and Publications Act 1984, “publication” includes:
 - (i) A document, newspaper, book and periodical;
 - (ii) All written or printed matter and everything whether of a nature familiar to written or printed matter or not containing any visible representation;
 - (iii) Anything which by its form, shape or in any manner is capable of suggesting words or ideas; and
 - (iv) An audio recording.

PROHIBITED ELEMENTS IN ISLAMIC PUBLICATIONS

3. Prohibited elements in Islamic publications are as follow:

- (a) **Containing Elements Which Tarnish The Purity Of Islam**

Tarnish the purity of Islam means containing elements which may cause the purity and greatness of Islam to be damaged.

Example:

- (i) A publication is deemed as tarnishing the purity of Islam if it clearly stated that the Quran is false and it is not a revelation from Allah SWT.

(b) **Propagandizing Aqidah, Rulings, Or Teachings Which Contradict The Mazhab Of Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Propaganda means information, ideologies or opinions which are publicized in order to influence the public.

Aqidah refers to the belief and creed which are based on the aqidah of the Ahli Sunnah wal-Jamaah

Example:

- (i) If a publication claims that the Imam Mahdi is Syeikh Muhammad As-Suhaimi, it is regarded as contradicting the aqidah of the Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Rulings means the rulings determined by the sources of Islamic law according to the Mazhab of Ahli Sunnah wal-Jamaah Doctrine which are the Quran, Sunnah (Prophet's Tradition), Ijma' al-Ulama' (consensus of the scholars) and Qiyas (juristic reasoning by analogy).

Example:

- (i) A publication is considered contradicting the rulings of Islam based on the Mazhab of Ahli Sunnah Wal Jamaah if it states that riba' (usury) is lawful in Islam.

Teachings means theories, school of thoughts, opinions or doctrines based on the Mazhab of Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Example:

- (i) A publication is regarded as contradicting the teachings of Islam according to the Mazhab of Ahli Sunnah wal-Jamaah if it states that Islam enjoins Muslims to pray only three times a day.
- (c) **Ridiculing Or Questioning The Authority Of The Primary Sources Of Islamic Law Which Are The Quran, Sunnah, Ijma' And Qias**

Ridicule means to deride, mock or make fun of the authority, superiority and authencity of the said sources.

Example:

- (i) A publication is considered ridiculing the authority of the source of Islamic law if it states that the Hadith is not considered one of the sources of Islamic law and that it contradicts the Quran.
- (d) **Contradicting The Mazhab Of Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Example:

- (i) One of the methods of the Mazhab of Ahli Sunnah Wal Jamaah is to regard the Sunnah (Prophet's tradition) as one of the sources of the Islamic law which must be believed by every Muslim. Any view that denies the status of the Sunnah and claims that it is something

which has been made up by the scholars, or that it is an act of Satan, contradicts the the Mazhab of Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- (ii) If a publication states that Nikah Mu'tah (temporary marriage) is permissible in Islam, it has contradicted the Mazhab of Ahli Sunnah wal-Jamaah.

(e) Contradicting The Fatwa Or The Opinion Of Jumhurul Ulama'

Fatwa means the official fatwa/edict/ruling issued by the fatwa authorities in each state or the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs Malaysia.

Example:

- (i) A fatwa has been issued by the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs Malaysia stating that the Qadiani teachings are not within the fold of Islam. Thus, any publication with contents that clearly support the said teachings is regarded as contradicting the said fatwa.

The opinion of Jumhur Ulama' means the opinion and method which have been unanimously agreed upon by the majority of the scholars of the Mazhab of Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Example:

- (i) The Jumhur Ulama' have stated unanimously that the aurah of a woman is her whole body except for the face and hands. Thus, any statement that denies the said opinion is regarded as contradicting the consensus of the majority of scholars.

(f) Containing Elements Of Isra'iliyyat, Superstitions And False Traditions

Isra'iliyyat means fabricated stories of Jewish and Christian origin added into the books of tafsir (Quran exegesis) and the books of hadith (the Prophet's traditions).

Example:

- (i) The description of paradise by Muqatil bin Sulaiman that everyone in paradise will receive a mountain with 70 houses on it, and that each of those houses which are made of pearls measures one parasang in length and width in the sky. Such stories contain elements of Isra'iliyyat, as the paradise is something unseen and unimaginable.

Superstitions means invented and imaginary tales in the form of teachings, prohibitions, customs, traditions, predictions, glorifications and beliefs which deviate from the teachings of Islam.

Fabulous tradition is defined as a way of life, as well as material and spiritual activities, and innovations of society and civilization which contradict the teachings of Islam.

Example:

- (i) Believing in objects which are claimed to be holy such as graves, trees and stones.
 - (ii) Practicing superstitious customs such as mandi safar (the bathing of the month of safar), worshipping of spirits and the like.
- (g) Causing Public Suspicion And Anxiety**

Public suspicions and anxiety means elements that may cause harm to the peace, moral or security of the nation, or may cause commotion to the public thinking and which are against any law.

Example:

- (i) Any publication which attempts to spread slanderous or insulting statements against muftis and Muslim scholars with the purpose of ridiculing them and tarnishing their dignity, is regarded as causing public suspicion and anxiety.
- (ii) If a publication questions the authenticity of the hadith as one of the sources of the Islamic law, it can be considered as causing public suspicion and anxiety

(h) **Containing Quranic Verses Or Any Part Of It Written In Other Than Arabic Or Other Than Quranic Style Of Writing**

Quranic verses written in other than Arabic means Quranic verses written in characters of other languages such as Roman or Latin alphabets without inserting the original text of the verses.

Example:

- (i) The verse of surah Al-Asr written in Roman alphabets: “Wal ‘Asr Innal Insanalafi Khusr...”

(i) **Contradicting Historical Facts**

Historical facts means Islamic historical facts including the history of messenger, history of the prophethood of prophet Muhammad – peace be upon him – and other histories which have been unanimously agreed upon by Islamic historians.

Example:

- (i) According to the Islamic history, Prophet Muhammad – peace be upon him – died in Madinah. Thus, any statements that claims otherwise is regarded as contradicting historical facts.

(j) **Illustrating Pictures Of Prophets, The Four Companions, Angels, As Well As Characterizing These Pictures**

Illustration refers to pictures (drawings and the like) for the purpose of explanation or for decorating the cover of a book, magazine or others.

Characterizing means forming and describing the physical and inner characters of a person including his habits, behavior, feelings and thinking.

Example:

- (i) A publication which depicts and describes the angle as a man with wings.

4. CLOSING

Any inquiries pertaining to the guideline shall be addressed to:

**Director General
Islamic Development Department Malaysia
Level 9, Block D7, Complex D
Federal Government Administration Center
62519 PUTRAJAYA**

No. Telefon : +603-8886 4000

No. Faksimili : +603-8886 2039

— |

| —

— |

| —